

## **ANALISIS PRESTASI KECEKAPAN AGIHAN ZAKAT: KAJIAN DI TABUNG BAITULMAL SARAWAK**

**Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar<sup>a\*</sup>**

<sup>a</sup> *Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah*

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

---

### **ABSTRACT**

The efficiency of distribution of zakat funds is an important element that should be prioritised by a zakat institution. Effective and efficient zakat distribution can bring holistic benefits to the asraf and the country's development. However, when the inefficiency occurs in the management of zakat funds distribution, especially by the zakat institution that is given the responsibility and trust in collecting and distributing zakat, of course the public, especially the zakat payer, will express their dissatisfaction and unfaithfulness to the zakat institutions, which in turn will affect zakat collection resulting in the image and credibility of zakat institutions affected. The inefficiency of zakat distribution is seen through the excess of zakat that is not fully utilised to the asraf and distribution without the proper sequence of asraf priority. Thus, a study was conducted to assess the performance of zakat distribution management by the Sarawak Baitulmal Fund. The study classifies the efficiency of zakat distribution management into financial form distribution (total zakat surplus) and non-financial distributions (according to asraf priority). The study evaluates the data of the annual zakat report from the Sarawak Baitulmal Fund from 2002-2016. The findings show that there is good management of zakat distributions by the Sarawak Baitulmal Fund although the scoring value for each zakat distribution category is of less consistent. This study suggests that the Sarawak Baitulmal Fund continue to manage the efficient distribution of zakat while enhancing their performance so that both forms of zakat distribution efficiency can be achieved consistently in the interest of the asraf. Several suggestions were also discussed in this study.

### **ABSTRAK**

Kecekapan agihan dana zakat merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan oleh sebuah institusi zakat. Agihan zakat yang cekap dan berkesan semestinya mendatangkan faedah yang holistik kepada golongan asraf dan pembangunan negara amnya. Namun apabila ketidakcekapan berlaku dalam pengurusan agihan dana zakat terutama oleh institusi zakat yang diberikan tanggungjawab dan amanah dalam mengutip dan mengagihkan zakat, sudah tentu masyarakat awam khususnya golongan pembayar zakat akan menzahirkan rasa tidak puas hati dan ketidakyakinan mereka kepada institusi zakat yang seterusnya mempengaruhi kutipan zakat dan mengakibatkan imej serta kredibiliti institusi zakat terjejas. Ketidakcekapan agihan zakat dilihat melalui lebihan zakat yang tidak diagihkan sepenuhnya kepada golongan asraf dan agihan tanpa mengikut turutan keutamaan asraf yang sepatutnya. Justeru, kajian dijalankan bagi menilai prestasi pengurusan agihan zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Kajian mengkategorikan kecekapan pengurusan agihan zakat kepada agihan bentuk kewangan (jumlah lebihan zakat) dan agihan bukan kewangan (mengikut keutamaan asraf). Kajian menganalisis data laporan zakat tahunan Tabung Baitulmal Sarawak

---

\* Corresponding author: Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar, Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah, Labuan International Campus, Jln. Sg. Pagar, 87000 F.T. Labuan, Malaysia. E-mail: [pgfaezul@ums.edu.my](mailto:pgfaezul@ums.edu.my)

dari tahun 2002-2016. Hasil kajian mendapat terdapat pengurusan agihan zakat yang baik oleh Tabung Baitulmal Sarawak walaupun perolehan nilai skor bagi setiap kategori agihan zakat adalah kurang konsisten. Kajian mencadangkan agar Tabung Baitulmal Sarawak meneruskan pengurusan agihan zakat yang cekap di samping meningkatkan lagi prestasi mereka agar kedua-dua bentuk kecekapan agihan zakat dapat dicapai secara konsisten demi kepentingan golongan asnaf. Beberapa cadangan turut dibincangkan dalam kajian ini.

*Kata kunci:* *Tabung Baitulmal Sarawak, Prestasi agihan zakat, Lebihan zakat, Institusi zakat, Asnaf.*

## 1. Pengenalan

Zakat merupakan salah satu rukun daripada lima rukun Islam. Perintah mengeluarkan zakat telah telah termaktub di dalam Al-Quran yang menjelaskan bahawa adalah wajib bagi seorang Islam untuk menunaikan zakat. Hasil kutipan zakat ini kemudianya mesti diagihkan kepada lapan kategori golongan asnaf yang juga telah dijelaskan di dalam kitab suci tersebut. Hikmah pensyiaratan mengeluarkan zakat ini bukan sahaja bermaksud untuk mensucikan harta dan jiwa seseorang muslim, malah jauh melebihi sekadar membantu golongan asnaf yang layak menerima agihan zakat. Mendepani pelbagai isu dan permasalahan yang sering dihadapi golongan asnaf seperti kadar kemiskinan yang tinggi, kos sara hidup di bandar yang agak meruncing, percubaan untuk melepaskan diri dan keluarga daripada belenggu hutang, kebolehan untuk survival kehidupan yang lebih kendiri dan tuntutan pembangunan modal insan yang sering dilanda kekangan kewangan dan sebagainya, zakat sepatutnya dan semestinya menjadi tulang belakang dan jawapan kepada isu dan permasalahan tersebut. Ini kerana sifatnya, fungsinya dan kebolehannya dalam membendung dan seterusnya menyelesaikan segala permasalahan tersebut sudah terbukti berlaku seperti pada zaman kegemilangan Islam di bawah pemerintahan Khulafa Al-Rashidin. Semestinya zakat akan menjadi instrument yang paling ampuh dalam membasmikan kemiskinan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat sekiranya ia dapat dikutip daripada golongan yang wajib mengeluarkan zakat dan kemudian diagihkan kepada golongan asnaf yang layak menerima zakat secara efisien, efektif dan cekap. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini, masih terdapat banyak kebimbangan dan kekeliruan yang berlaku dalam agenda pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Secara amnya, setiap negeri di Malaysia mempunyai kuasa sendiri dalam pentadbiran dan pengurusan zakat melibatkan usaha mengutip dan mengagih zakat, selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menyenaraikan perihal tentang zakat, wakaf dan baitulmal adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri seperti yang disebutkan dalam Enakmen Zakat dan Fitrah (Pindaan) 2003 (Sabah), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 (Pulau Pinang), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2002 (Melaka) dan Undang-undang Zakat dan Fitrah (Pindaan) 1970 (Sarawak).

### 1.1 Tabung Baitulmal Sarawak

Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah ditubuhkan pada tahun 1966 melalui Undang-Undang Zakat 1966 atas usaha Ketua Menteri pada waktu tersebut. Pada masa itu ianya dikenali sebagai Tabung Zakat dan Fitrah. Sebelum Tabung Zakat dan Fitrah ditubuhkan, masyarakat Islam secara lazimnya menunaikan kewajipan berzakat dengan mengagihkannya secara terus kepada fakir miskin, guru-guru agama dan sebagainya tanpa melalui suatu institusi zakat yang formal. Tabung Baitulmal Sarawak akhirnya ditubuhkan pada tahun 1984 di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984 sebagai wakil Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam pengurusan Zakat, Sadaqah Jariah dan Wakaf serta berperanan sebagai institusi yang bertanggungjawab mengutip, mengagih dan mengurus dana-dana tersebut di samping bertindak sebagai badan pendidik kepada masyarakat Islam di Sarawak tentang kewajipan berzakat. Bagi mendepani tahun-tahun yang kian mencabar, penyusunan semula Pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak telah diluluskan dan pada 15 Disember 1998, Pengurus Besar telah dilantik untuk mengetuai pengurusannya. Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 turut diluluskan pada November 2001 yang mana secara langsung menambahkan lagi peranan Tabung Baitulmal Sarawak

sebagai sebuah institusi zakat. Sejak penstrukturkan semula itu, TBS telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pelaksanaan dasar dan programnya seperti membayai ramai pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di pusat-pusat Pengajian Tinggi Islam di dalam dan di luar negeri, di samping membantu dalam perkara-perkara kebijakan dan keagamaan dalam kalangan umat Islam di Sarawak.

### *1.2 Golongan asnaf penerima zakat*

Secara amnya, terdapat banyak pandangan berkaitan aspek pengagihan dana zakat kepada golongan asnaf. Namun bagi konteks Malaysia, kerajaan telah menetapkan negara ini tertakluk kepada pegangan Mazhab Syafie dari segi syariah. Terdapat lapan golongan yang berhak menerima zakat seperti disebutkan dalam Al-Quran pada ayat 60 surah at-Taubah iaitu *al-fuqara* (golongan fakir), *al-masakin* (golongan miskin), *amil*, *mualaf*, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (golongan berhutang), *fi-sabilillah* (golongan berjuang di jalan Allah) dan *ibn sabil* (golongan bermusafir):

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah al-Taubah, 9:60)

Menurut mazhab Imam Syafie, zakat juga memadai diagihkan kepada sekurang-kurangnya tiga golongan sahaja yang mana golongan ketiga adalah amil. In bermakna bahawa golongan amil akan mengambil tempat ketiga selepas asnaf fakir dan miskin berdasarkan hujah sekurang-kurangnya agihan dilaksanakan kepada tiga golongan asnaf. Secara umumnya terdapat empat golongan yang perlu diutamakan terlebih dahulu dalam pengagihan dana zakat iaitu *al-fuqara* (golongan fakir), *al-masakin* (golongan miskin), *al-gharimin* (golongan berhutang), dan *ibn sabil* (golongan bermusafir) (Mohamad Uda, 2013). Berlandaskan keutamaan ini, bagi mencapai keadilan yang optimum, institusi zakat perlu memastikan dana zakat diagihkan terlebih dahulu kepada kelima-lima asnaf di atas sebelum asnaf selebihnya yang dinyatakan dalam Al-Quran (Hairunnizam *et al.*, 2015).

Dalam era masa kini yakni ketelusan dan integriti adalah suatu idealisme dan budaya yang perlu diterapkan dan diperaktikkan, pengurusan dan pentadbiran zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) setiap negeri tidak terkecuali daripada menitikberatkannya. Begitu juga perihalnya dengan Tabung Baitulmal Sarawak, di mana dalam fungsinya sebagai perantara antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan rakyat Sarawak itu sendiri terutama berkaitan kutipan dan agihan zakat, amalan wakaf dan baitulmal, ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat agar ia terus sampai kepada golongan sasaran iaitu kelapan-lapan kategori asnaf yang layak menerimanya sangat dituntut. Namun wujud persepsi yang negatif yang berlaku dalam kalangan rakyat Sarawak sendiri mengenai tanggungjawab TBS dalam urusan mengutip dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf yang seterusnya mengakibatkan terdapat golongan yang enggan mengeluarkan zakat walaupun TBS telah menjalankan amanahnya dengan baik (Abdul Hayy & Hairunnizam, 2017). Ini dikeruhkan lagi dengan timbulnya persoalan mengenai kerenah birokrasi terhadap TBS dan tahap ketersampaian agihan zakat kepada golongan asnaf yang diluahkan oleh masyarakat Islam di Sarawak. Justeru, rasional kajian ini dijalankan adalah bagi mengkaji prestasi kecekapan pengurusan agihan zakat di TBS melibatkan agihan berbentuk kewangan (lebihan zakat) dan bukan kewangan (agihan keutamaan asnaf). Ini kerana sekiranya berlaku ketidakcekapan dan ketidaktelusan dalam pengurusan agihan zakat, sudah tentu ianya akan membawa impak negatif terhadap institusi zakat tersebut dan mendatang lebih banyak kebimbangan

kepada rakyat Sarawak sendiri. Di samping itu, populasi penduduk beragama Islam di Sarawak yang agak kecil berbanding penduduk bukan beragama Islam mewujudkan suatu keunikan dan cabaran buat TBS dalam mengendalikan dana zakat terutama melibatkan penduduk Islam yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Berdasarkan Data Bancian 2010, statistik penduduk Islam di Sarawak adalah dianggarkan sebanyak 796,239 orang berbanding jumlah penduduk bukan Islam sebanyak 1,674,901 orang yang terdiri daripada pelbagai agama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Justeru, bagaimanakah TBS dapat menguruskan penyeliaan agihan zakat kepada umat Islam di Sarawak dengan kepelbagaian latar belakang kaum mencetuskan sisi pandang yang menarik untuk dikaji. Kurangnya kajian dan penulisan yang dihasilkan terhadap prestasi kutipan dan agihan zakat di Sarawak juga merupakan justifikasi agar kajian ini dilakukan dengan objektif agar hasil kajian ini menyumbang kepada penambahan literatur kajian di samping dijadikan kayu ukur prestasi TBS dalam menjalankan fungsinya sebagai satu-satunya intitusi pemegang amanah mengutip zakat dan seterusnya mengagihkan zakat kepada golongan asnaf di Sarawak.

## **2. Kajian lepas**

Kecekapan pengurusan kutipan dan agihan zakat merupakan aspek yang sangat penting selain merupakan tanggungjawab sesebuah institusi zakat. Dana zakat seharusnya mampu memberi impak dalam pembasmian kemiskinan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara sekiranya aspek pengagihan zakat dititikberatkan (Hairunnizam *et al.*, 2015). Agihan dana zakat juga memberi impak yang signifikan terhadap kualiti taraf hidup golongan asnaf yang turut dipengaruhi oleh kepuasan golongan asnaf terhadap agihan zakat (Teah Suhaila, Aza Shahnaz & Noraini, 2016). Justeru, penerimaan masyarakat terhadap kecekapan dan keadilan dalam pengurusan dana zakat oleh institusi zakat sangat kritikal untuk dibincangkan. Ini kerana keadaan ini boleh mempengaruhi prestasi kutipan dan agihan zakat secara jangka panjang. Isu keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat dan tadbir urus zakat yang tidak telus didakwa menjadi punca kepada wujudnya tanggapan bahawa kutipan dan agihan zakat diurus secara tidak cekap (Md Hairi *et al.*, 2012). Ini disokong oleh kajian bahawa wujud rungutan terhadap institusi zakat dalam pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang mengakibatkan keyakinan masyarakat kepada MAIN dan institusi zakat terjejas seterusnya mengakibatkan keengganan mereka untuk membayar zakat (Hairunnizam *et al.*, 2009; Ahmad Hidayat & Saidatul, 2014). Kajian mendapati terdapat kelompok masyarakat yang tidak berpuas hati dan tidak berkeyakinan dengan cara agihan zakat dilakukan oleh institusi zakat yakni agihan yang diperoleh kurang mencukupi malah beranggapan agihan zakat tidak diberikan kepada golongan yang layak dan lebih memerlukan tetapi diberikan kepada orang yang lebih berkemampuan. Hal ini demikian tentunya merupakan suatu persepsi negatif terhadap kecekapan dan ketelusan institusi zakat dalam menguruskan agihan zakat (Hairunnizam & Sanep, 2014; Nur Alia *et al.*, 2017). Menurut kajian juga didapati bahawa masyarakat tidak berpuashati dengan informasi pendedahan mengenai pengurusan zakat yang terhad. Ini seterusnya mengundang kepada masalah persepsi negatif melibatkan pengurusan pengagihan zakat kepada golongan asnaf terutamanya apabila terdapat lebihan zakat yang tidak diagihkan sepenuhnya. Akibatnya masyarakat hilang keyakinan kepada institusi zakat dan memilih untuk membayar zakat secara langsung kepada asnaf tanpa perlu melalui institusi zakat (Rossaiza *et al.*, 2017).

Kajian seterusnya mendapati persepsi masyarakat terhadap institusi zakat turut mempengaruhi peningkatan dan pengurangan kutipan zakat secara langsung (Ismail & Masturah, 2014). Kajian juga mendapati keengganan responden membayar zakat disumbang oleh rasa tidak puas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat. Ketidakpuasan hati masyarakat untuk melakukan pembayaran zakat kepada institusi zakat ini didorong oleh kurangnya pengetahuan yang jelas berkaitan proses dan ketelusan agihan zakat oleh institusi zakat kepada golongan asnaf (Hairunnizam *et al.*, 2009; Abdul Hayy *et al.*, 2017). Selain itu, ketidakyakinan kepada institusi zakat menyumbang kepada pembayaran langsung zakat tanpa melalui saluran formal (Hairunnizam *et al.*, 2009). Pembayaran zakat secara terus kepada asnaf

tanpa melalui institusi zakat yang berautoriti penuh terhadap kutipan dan agihan zakat menyebabkan ketirisan kutipan yang signifikan saban tahun (Fidlizan *et al.*, 2015). Bagi meningkatkan keyakinan masyarakat Islam khususnya golongan yang wajib membayar zakat terhadap kecekapan pengurusan agihan zakat, kerena birokrasi dalam pengurusan haruslah dikurangkan selain tidak bersifat partisan dalam menjalankan tanggungjawab mengurus kutipan dan agihan zakat dengan lebih cekap dan telus (Hairunnizam & Sanep, 2014).

Pengurusan kutipan dan agihan zakat yang cekap juga turut dikekang oleh kesedaran membayar zakat yang rendah (Ahmad Hidayat & Saidatul, 2014). Ini disokong oleh kajian yang membincangkan isu dan cabaran pungutan zakat terutamanya kesedaran masyarakat terhadap kewajipan menunaikan zakat dan operasi institusi zakat memandangkan jumlah pungutan zakat masih kurang (Dayangku Aslinah, 2013). Keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat yang seterusnya meningatkan jumlah kutipan zakat adalah berkait rapat dengan pematuhan standard prosedur kutipan zakat yang telah melicinkan urusan kutipan zakat (Mohd Fisul *et al.*, 2017). Kajian turut mendapati bahawa kaedah lokalisasi agihan zakat dapat membantu proses agihan zakat dengan lebih cepat dan berkesan kepada golongan asnaf penerima zakat (Mohd Suffian *et al.*, 2017). Justeru, bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan institusi zakat dalam menguruskan dana zakat, tadbir urus yang baik amat dituntut. Kepuasan hati semua pihak terhadap institusi zakat dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dapat dicapai dengan tadbir urus yang baik (Md Hairi *et al.*, 2012).

Walaupun kebanyakan kajian lepas membincangkan mengenai prestasi kecekapan institusi zakat, namun kajian terperinci mengenai kecekapan agihan zakat masih terhad (Eza Ellany *et al.*, 2014). Kebanyakan kajian hanya tertumpu mengenai kecekapan tadbir urus institusi zakat dan masalah keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat (Mohd Yahya *et al.*, 2013) dan juga membincangkan kerangka akauntabiliti pengurusan dana zakat tanpa menguji prestasi kecekapan pengurusan agihan zakat oleh institusi zakat (Ram Al Jaffri *et al.*, 2014). Selain itu kebanyakan kajian lepas hanya membincangkan mengenai kepatuhan membayar zakat dan analisis kutipan zakat yang tertumpu pada segi ketirisan zakat serta mengenai pentadbiran zakat dan kesedaran dalam membayar zakat, seperti juga kajian mengenai kecekapan keseluruhan institusi zakat melibatkan statistik pungutan dan agihan serta faktor kesedaran dalam membayar zakat serta kajian lain seumpamanya yang membincangkan faktor kesedaran dalam membayar zakat dan cabaran pungutan zakat. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji prestasi kecekapan agihan zakat oleh institusi zakat terutamanya TBS melibatkan agihan zakat berbentuk kewangan dan agihan berbentuk bukan kewangan dengan lebih terperinci.

### 3. Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan data sekunder yang diperolehi melalui laporan zakat bagi tahun 2002 sehingga 2016 daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Laporan Zakat PPZ-MAIWP bagi Tabung Baitulmal Sarawak. Data yang diperoleh merupakan laporan tahunan terkini yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara dan tiada data terkini. Data kemudian dianalisis menggunakan beberapa kaedah analisis.

Pengukuran prestasi kecekapan pengurusan agihan zakat dibahagikan kepada dua iaitu prestasi agihan zakat dalam bentuk agihan kewangan dan agihan bukan kewangan. Prestasi agihan kewangan melibatkan skor kecekapan lebihan zakat (SKORLZ) manakala prestasi agihan bukan kewangan melibatkan skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA). Skor kecekapan lebihan zakat (SKORLZ) dibentuk berdasarkan peratusan jumlah lebihan wang zakat yang tidak diagihkan berbanding jumlah kutipan zakat (Eza Ellany *et al.*, 2014). Skor ini menilai berapa banyak lebihan wang zakat dan peratusannya yang tidak diagihkan pada setiap akhir tahun. Kaedah pengiraan SKORLZ boleh dirujuk pada Persamaan 1.

$$SKORLZ = \frac{\text{Jumlah Lebihan (Jumlah Kutipan} - \text{Jumlah Agihan})}{\text{Jumlah Kutipan}} \quad \text{Persamaan (1)}$$

Skor kecekapan lebihan zakat ini diukur dalam lingkungan nilai antara 0 hingga 1. Nilai 0 menandakan bahawa skor adalah pada tahap terbaik dan sangat cekap. Ini bermakna semakin rendah jumlah lebihan zakat berbanding jumlah kutipan semakin cekap prestasi agihan zakat. Namun terdapat kemungkinan institusi zakat melaksanakan agihan zakat melebihi kutipan zakat yang diperoleh pada tahun semasa. Situasi ini mungkin disebabkan wujudnya lebihan agihan zakat pada tahun sebelumnya yang diagihkan pada tahun semasa. Keadaan ini mengakibatkan nilai lebihan zakat akan menjadi negatif dan menunjukkan berlaku ketidakcekapan dalam pengurusan agihan zakat. Agihan yang cekap sepatutnya dilakukan pada tahun semasa kutipan wang zakat diperoleh (Eza Ellany *et al.*, 2014).

Skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA) pula dibentuk berpandukan kepada keutamaan asnaf yang wajib didahulukan mengikut turutan di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah, berlandaskan mazhab Imam Syafie. Menurut pandangan Imam Syafie, terdapat empat golongan asnaf yang perlu diberi keutamaan terlebih dahulu sebelum lainnya dalam menerima agihan zakat iaitu *al-fuqara* (golongan fakir), *al-masakin* (golongan miskin), *al-gharimin* (golongan berhutang) dan *ibnussabil* (golongan yang bermusafir/dalam perjalanan) (Mohamad Uda, 2013). Manakala berdasarkan hujah bahawa sekurang-kurangnya agihan memadai dilaksanakan kepada tiga golongan asnaf, maka *amil* (pengutip zakat) berada pada kedudukan ketiga selepas asnaf fakir dan miskin. Berdasarkan turutan keutamaan ini, institusi zakat perlu memastikan kelima-lima asnaf di atas mendapat agihan zakat sepatutnya sebelum agihan dilakukan kepada asnaf lain yang disebut di dalam Al-Quran iaitu *mualaf* (golongan baru memeluk Islam), *al-riqab* (hamba) dan *fisabilillah* (golongan berjuang di jalan Allah).

Skor keutamaan asnaf (SKORKA) diukur dengan menjumlahkan perbezaan skor antara skor agihan sebenar Mazhab Imam Syafie dengan skor agihan institusi zakat bagi lapan kategori asnaf, kemudian dibahagikan dengan jumlah perbezaan skor maksimum yang diperoleh bagi kelapan-lapan kategori asnaf. Jumlah perbezaan skor maksimum adalah 26 (rujuk Jadual 1). Nilai skor keutamaan asnaf (SKORKA) pula akan berada dalam lingkungan nilai 0 hingga 1, yang mana nilai 0 adalah skor yang paling cekap (Eza Ellany *et al.*, 2014). Kaedah pengiraan SKORKA boleh dirujuk seperti pada Persamaan 2.

$$SKORKA = \frac{\text{Jumlah perbezaan skor bagi 8 kategori asnaf}/(\text{skor agihan sebenar} - \text{skor agihan institusi})}{\text{jumlah perbezaan skor maksimum (26)}} \quad \text{Persamaan (2)}$$

**Jadual 1: Pengiraan perbezaan skor maksimum untuk SKORKA**

Skor Agihan Sebenar	Skor Agihan Institusi Terendah	Perbezaan Skor Maksimum
1	6	5
2	6	4
3	6	3
4	5	1
5	4	1
6	3	3
6	2	4
6	1	5
Jumlah		26

Sumber: Eza Ellany *et al.*, (2014).

Skor agihan sebenar adalah skor yang diberikan kepada lapan kategori asnaf mengikut keutamaan mazhab Imam Syafie dan diukur dalam lingkungan skala skor 1 hingga 6 seperti di Jadual 2. Kajian hanya menggunakan 6 skala skor disebabkan tiga lagi golongan asnaf iaitu mualaf, *al-Riqab* dan *Fisabilillah* tidak dinyatakan turutan keutamaannya oleh mazhab Imam Syafie. Ini bermakna asnaf yang sepatutnya menerima agihan zakat yang banyak berdasarkan keutamaan mereka mengikut mazhab Imam Syafie adalah asnaf Fakir, diikuti Miskin, Amil, *al-Gharimin*, *Ibnu Sabil*, dan seterusnya dibahagikan secara sama rata antara Mualaf, *al-Riqab* dan *Fi-sabilillah*.

**Jadual 2: Skor agihan sebenar mazhab Imam Syafie**

Bil	Kategori Asnaf	Skor Agihan
1	al-Fuqara' (golongan fakir)	1
2	al-Masakin (golongan miskin)	2
3	Amil	3
4	<i>al-Gharimin</i> (golongan berhutang)	4
5	<i>Ibnu Sabil</i> (golongan bermusafir)	5
6	Mualaf	6
7	<i>al-Riqab</i> (hamba)	6
8	<i>Fi-sabilillah</i> (golongan berjuang di jalan Allah)	6

Sumber: Eza Ellany et al., (2014).

Skor agihan institusi pula adalah skor yang diberikan berdasarkan turutan jumlah agihan zakat untuk setiap kategori asnaf oleh institusi zakat iaitu nilai kewangan agihan zakat dijadikan asas dalam menentukan skor agihan setiap asnaf. Skor ini ditentukan dengan menilai asnaf manakah yang menerima agihan zakat banyak sehingga agihan zakat yang sedikit oleh institusi zakat bagi suatu tempoh tahun kewangan tertentu. Setiap kategori asnaf yang menerima jumlah agihan terbanyak akan diberikan turutan skor 1 hingga 5 manakala tiga kategori asnaf yang menerima agihan yang sedikit pula masing-masing akan diberikan skor 6. Penentuan skor maksimum agihan institusi terendah berlaku apabila asnaf *Fisabilillah*, *al-Riqab* dan Mualaf menerima agihan terbanyak oleh institusi zakat manakala asnaf Fakir, Miskin dan Amil yang sepatutnya mendapat agihan terbanyak berdasarkan keutamaan pula menerima agihan yang sedikit bagi suatu tempoh tahun kewangan dan ini dapat dilihat seperti di Jadual 3.

**Jadual 3: Penentuan skor maksimum bagi skor agihan sebenar dan skor agihan institusi**

Asnaf	Fakir	Miskin	Amil	Gharimin	Ibn Sabil	Mualaf	Riqab	Fisabilillah
Contoh Jum. Agihan (RM)	5,000	4,000	3,000	2,000	1,000	600	500	400
<b>Skor Agihan</b>								
<b>Sebenar Imam Syafie</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>
Contoh Jum. Agihan (RM)	400	500	600	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
<b>Skor Agihan Institusi Terendah</b>								
	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

Sumber: Diolah daripada Jadual 2 dalam menentukan skor agihan bagi SKORKA (Eza Ellany et al., 2014).

Data-data yang dianalisis kemudiannya dipersembahkan ke dalam bentuk jadual bagi menunjukkan prestasi kecekapan pengurusan agihan zakat dalam bentuk agihan kewangan dan agihan bukan kewangan.

#### **4. Hasil kajian**

Pengurusan agihan zakat yang cekap kepada golongan asnaf yang layak menerima zakat adalah suatu yang sangat penting dalam mendepani era yang mencabar masakini. Ini kerana zakat sebagai instrumen percuakan dalam Islam merupakan sistem agihan kekayaan yang unik apabila hanya golongan yang kaya dan berkemampuan dituntut untuk mengeluarkan zakat yang kemudiannya diagihkan terus kepada lapan golongan asnaf seperti Fakir, Miskin, Mualaf, Amil, al-Riqab, Ibnu Sabil, Fisabilillah dan Gharimin melalui perantaraan institusi zakat. Agihan zakat yang efektif kepada golongan asnaf penerima dicapai apabila dana zakat dapat disampaikan kepada asnaf dan seterusnya manfaat daripadanya dirasai sendiri oleh golongan tersebut. Oleh yang demikian, peranan institusi zakat dalam memastikan pengurusan agihan zakat berada pada tahap yang efisien, cekap dan meyakinkan masyarakat Islam di samping mengekalkan prestasi kutipan zakat yang memberangsangkan adalah sangat dititikberatkan dan diberikan perhatian yang teliti. Bagi Tabung Baitulmal Sarawak selaku entiti dan institusi yang bertanggungjawab dan diamanahkan untuk tujuan tersebut, usaha ini jelas dilihat melalui prestasi jumlah kutipan dan agihan zakat yang diperoleh saban tahun. Berpandukan Jadual 4, kajian mendapati bahawa kutipan zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak adalah sangat memberangsangkan. Jika diperhatikan jumlah kutipan zakat tahunan menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2002, kutipan zakat adalah berjumlah RM 13,808, 155.00 dan meningkat sehingga berjumlah RM 15,299,300.04 pada tahun 2005. Begitu juga peningkatan jumlah kutipan zakat tahunan dapat dilihat pada tahun 2006 dengan kutipan sebanyak RM 20,548,322.81 sehingga tahun 2011 dengan kutipan sebanyak RM 44, 126, 087.93. Bermula tahun 2012, jumlah kutipan zakat mencatat sejarah apabila kutipan yang diperoleh adalah melebihi RM 50 juta dengan jumlah kutipan sebanyak RM 50, 831, 899.00. Kutipan zakat terus meningkat kepada RM 69, 462, 067.00 pada tahun 2013, kemudian berkurang kepada RM 67, 319, 511.00 pada tahun 2014. Pada tahun 2015 dan 2016, kutipan zakat yang diperoleh adalah masing-masing berjumlah RM 68,573, 996.00 dan RM 72, 082, 740.00. Sepanjang 15 tahun bermula tahun 2002 sehingga 2016 ini, Tabung Baitulmal Sarawak telah Berjaya mengumpul kutipan zakat tahunan berjumlah sebanyak RM 583, 173, 783.01. Ini merupakan suatu yang sangat baik, walaupun jumlah kutipan tahunan adalah kecil berbanding negeri-negeri lain disebabkan jumlah penduduk Islam di Sarawak yang kecil berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Secara keseluruhannya, agihan zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak juga menunjukkan berlakunya peningkatan jumlah agihan yang berterusan setiap tahun. Melalui Jadual 4, dapat dilihat pada tahun 2002, jumlah agihan adalah sebanyak RM 2, 981, 420.00 dan meningkat kepada RM 18, 077, 692.10 pada tahun 2008. Peningkatan jumlah agihan zakat tahunan ini terus meningkat daripada RM 23, 640, 627.11 pada tahun 2009 kepada RM 36, 766, 114.00 pada tahun 2012. Bagi tahun 2013, ianya menurun kepada RM 35, 174, 369.00 berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak RM 40, 506, 983.00 jumlah agihan zakat berlaku pada tahun 2014 dan terus meningkat kepada RM 48, 363, 149.00 pada tahun 2016. Namun, jika dibandingkan di antara jumlah kutipan zakat tahunan dengan jumlah agihan zakat, dapat diperhatikan bahawa berlaku jumlah lebihan zakat tahunan yang sangat ketara. Keadaan ini dapat diperhatikan bermula pada tahun 2002, apabila lebihan zakat yang wujud adalah sebanyak RM 10, 826, 735.00. Walaupun berlaku penurunan lebihan zakat pada tahun 2003 dengan jumlah lebihan sebanyak RM 7, 228, 2009.00, namun peningkatan terus berlaku pada tahun 2004 apabila jumlah lebihan zakat kembali mencapai sebanyak RM 10, 941, 282.19. Seterusnya dapat diperhatikan pada tahun 2006, jumlah lebihan zakat adalah sebanyak RM 12, 497, 219.18. Pada tahun 2008 pula, jumlah lebihan zakat berada pada jumlah RM 18, 022, 277.24 yang lebih kurang menyamai jumlah agihan zakat pada tahun tersebut iaitu sebanyak RM 18, 077,692.10. Bermula pada tahun 2009 sehingga 2016, dapat diperhatikan jumlah lebihan zakat adalah semakin berkurang dan mengecil berbanding dengan jumlah agihan zakat, walaupun angka jumlah lebihan zakat masih besar. Justeru, berlaku keadaan tidak konsisten penurunan dalam lebihan zakat tahunan apabila sepatutnya jumlah lebihan zakat tahunan dikurangkan bagi membolehkan dana zakat yang dikutip pada suatu tahun dapat diagihkan sepenuhnya pada tahun tersebut.

**Jadual 4: Statistik kutipan dan agihan Tabung Baitulmal Sarawak (RM)**

Tahun	Kutipan	Agihan	Lebihan Zakat	Agihan Mengikut Asnaf								Agihan Lain-lain
				Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Al-Riqab	Ibn Sabil	Gharimin	Fisabilillah	
2002	13,808,155.00	2,981,420.00	10,826,735.00	1,246,477.00	n/a*	1,223,417.00	54,536.00	0.00	2,099.00	0.00	454,891.00	n/a
2003	10,264,513.31	3,036,304.15	7,228,209.00	1,059,544.65	n/a*	1,369,323.24	55,525.32	0.00	2,767.00	0.00	549,143.94	n/a
2004	15,566,982.51	4,625,700.32	10,941,282.19	1,817,741.50	n/a*	2,168,538.64	62,625.63	0.00	3,499.00	0.00	573,295.55	n/a
2005	15,299,300.04	6,540,235.85	8,759,064.19	3,129,709.13	n/a*	2,297,329.01	103,282.71	0.00	4,851.00	0.00	1,005,064.00	n/a
2006	20,548,322.81	8,051,103.63	12,497,219.18	4,240,376.49	n/a*	2,450,517.47	88,240.84	0.00	3,289.00	0.00	1,268,679.83	n/a
2007	23,132,088.56	11,613,302.32	11,518,786.24	3,571,474.00	2,012,249.00	3,021,743.54	75,058.96	0.00	2,137.00	7,928.00	2,922,612.82	0.00
2008	36,099,969.34	18,077,692.10	18,022,277.24	4,867,737.25	1,918,318.27	3,708,614.77	133,696.04	0.00	16,050.04	11,190.00	6,687,596.89	734,488.84
2009	36,915,094.91	23,640,627.11	13,274,467.80	4,892,395.05	2,649,723.00	3,966,650.59	618,147.00	0.00	1,462.00	5,224.00	10,995,529.87	511,495.60
2010	39,143,055.60	23,922,812.06	15,220,243.54	4,920,039.60	2,729,373.00	3,945,864.87	401,829.96	0.00	2,636.00	580.00	11,922,488.63	0.00
2011	44,126,087.93	27,284,034.00	16,842,053.93	5,897,022.00	3,126,112.00	4,181,516.00	680,312.00	0.00	2,733.00	3,220.00	13,166,795.00	226,324.00
2012	50,831,899.00	36,766,114.00	14,065,785.00	6,295,360.00	3,141,152.00	5,161,576.00	1,119,344.00	0.00	2,075.00	5,469.00	20,746,635.00	294,503.00
2013	69,462,067.00	35,174,369.00	34,287,698.00	6,483,663.00	3,040,452.00	5,366,217.00	2,504,746.00	0.00	1,453.00	2,385.00	17,413,366.00	362,087.00
2014	67,319,511.00	40,506,983.00	26,812,528.00	6,733,530.00	3,154,749.00	5,851,556.00	2,801,740.00	0.00	1,328.00	13,938.00	20,874,857.00	1,075,285.00
2015	68,573,996.00	44,984,662.00	23,589,334.00	7,498,888.00	3,303,952.00	6,272,503.00	2,609,428.00	0.00	824.00	18,552.00	24,451,371.00	829,144.00
2016	72,082,740.00	48,363,149.00	23,719,591.00	8,460,403.00	3,158,923.00	6,425,708.00	2,669,591.00	30,000.00	2,532.00	34,235.00	26,027,601.00	1,554,156.00
Jumlah	583,173,783.01	335,568,508.54	247,605,274.47	71,114,360.67	28,235,003.27	57,402,075.13	14,542,103.46	30,000.00	49,465.04	102,721.00	159,059,927.53	5,587,483.44

Nota: 1) n/a: tiada data diperoleh.

2) n/a\*: agihan zakat bagi asnaf miskin tidak dipisahkan daripada agihan zakat bagi asnaf fakir bagi tahun berkenaan.

Sumber: Diolah daripada Laporan Zakat PPZ-MAIWP dan JAWHAR bagi Tabung Baitulmal Sarawak tahun 2002-2016.

#### 4.1 Skor kecekapan lebihan zakat

Prestasi kecekapan agihan zakat diukur berdasarkan skor kecekapan lebihan zakat (prestasi agihan berbentuk kewangan) dan skor kecekapan keutamaan asnaf (prestasi agihan bukan kewangan). Jadual 5 menunjukkan hasil analisis prestasi agihan zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Analisis dilakukan bagi mencapai objektif kajian iaitu menilai prestasi institusi zakat berdasarkan kedua-dua jenis prestasi agihan iaitu prestasi agihan berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Kecekapan agihan suatu dana dicapai apabila hampir kesemua derma yang diterima dibelanjakan sepenuhnya untuk projek-projek kebajikan yang dirangka (Andres *et al.*, 2006). Kajian mendapati nilai 100 peratus atau skor agihan bernilai 0.00 merupakan agihan zakat yang optimum (Hairunnizam *et al.*, 2009). Namun, disebabkan ketiadaan sebarang penanda aras bagi menilai kecekapan agihan dari sudut lebihan zakat maka skor di bawah lingkungan 0.228 sudah dianggap berprestasi baik dan turut menjadikan nilai skor di bawah nilai 0.228 sebagai skor kecekapan lebihan zakat terbaik. Sekiranya terdapat skor yang bernilai negatif maka nilai tersebut akan digantikan dengan nilai 0 kerana tiada lebihan zakat semasa yang tidak diagihkan (Eza Ellany *et al.*, 2014).

Secara keseluruhannya, Tabung Baitulmal Sarawak telah menunjukkan prestasi pengurusan agihan zakat yang sangat memuaskan walaupun nilai skor yang diperoleh kurang konsisten. Bagi prestasi agihan berbentuk kewangan, hasil analisis kajian ini selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menjadikan nilai skor di bawah nilai 0.228 peratus sebagai skor kecekapan lebihan zakat yang dianggap berprestasi baik walaupun belum mencapai kepada tahap agihan optimum 100 peratus. Berpandukan Jadual 5, dapat diperhatikan bahawa nilai skor kecekapan Lebihan zakat (SKORLZ) dari tahun 2002 sehingga tahun 2006 adalah melebihi nilai 0.500, iaitu masing-masing nilai skor adalah 0.784 peratus (2002), 0.704 peratus (2003), 0.702 peratus (2004), 0.572 peratus (2005), dan 0.608 peratus (2006). Kesemua nilai skor tersebut tidak mendekati nilai skor 0.228 peratus dan ke bawah yang dianggap sebagai berprestasi baik malah kebanyakannya daripadanya menghampiri nilai skor 1.000 yang bermaksud terdapat banyak lebihan zakat yang diagihkan sepenuhnya kepada golongan asnaf yang layak menerimanya. Bermula tahun 2007, skor kecekapan lebihan zakat menunjukkan perubahan dengan berlaku peningkatan nilai skor yang dicapai iaitu sebanyak 0.497 peratus. Ini menunjukkan bahawa lebihan zakat yang terkumpul berbanding jumlah kutipan zakat semakin berkurang dengan kebanyakannya dana zakat yang dikutip telah diagihkan pada tahun tersebut. Situasi yang sama juga berlaku pada tahun 2008 dengan nilai skor yang diperoleh adalah 0.499 peratus.

**Jadual 5: Prestasi kecekapan agihan zakat Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)**

Tahun	Skor Kecekapan Lebihan Zakat (SKORLZ)	Skor Kecekapan Keutamaan Asnaf (SKORKA)
2002	0.784	0.461
2003	0.704	0.538
2004	0.702	0.538
2005	0.572	0.461
2006	0.608	0.461
2007	0.497	0.384
2008	0.499	0.461
2009	0.359	0.461
2010	0.388	0.461
2011	0.381	0.461
2012	0.276	0.461
2013	0.493	0.461
2014	0.398	0.461
2015	0.343	0.461
2016	0.329	0.461
Purata	0.488	0.435

*Nota : SKORLZ: Nilai skor antara 0 hingga 1, lebihan zakat di bawah nilai 0.228 adalah sebagai skor terbaik.*

*SKORKA: nilai skor di bawah 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik.*

*Sumber : Diolah daripada Laporan Zakat PPZ-MAIWP dan JAWHAR bagi Tabung Baitulmal Sarawak tahun 2002-2016.*

Peningkatan yang ketara bagi nilai skor kecekapan lebihan zakat boleh dilihat pada tahun 2009, 2010 dan 2011, dengan masing-masing nilai skor berada pada 0.359, 0.388 dan 0.381 peratus. Nilai skor terbaik yang dicapai oleh TBS bagi prestasi agihan berbentuk kewangan adalah 0.276 peratus yang berlaku pada tahun 2012, walaupun belum mencapai nilai 0.228 ataupun nilai optimum 0.000 peratus. Ini bermakna jumlah lebihan zakat yang tidak diagihkan pada tahun 2012 adalah sedikit berbanding dengan jumlah kutipan zakat, sekaligus dana zakat terkumpul berjaya diagihkan sebaiknya kepada golongan asnaf. Pada tahun-tahun berikutnya iaitu tahun 2013 sehingga 2016, TBS dilihat cuba untuk mengekalkan sebaik mungkin agar lebihan zakat yang berlaku adalah berada pada tahap minimum, dan ini dapat dilihat pada

nilai SKORLZ yang diperoleh iaitu masing-masing sebanyak 0.493 peratus (2013), 0.398 peratus (2014), 0.343 peratus (2015) dan 0.329 peratus (2016). Purata nilai skor tahunan yang diperoleh oleh TBS bagi kecekapan lebihan zakat adalah sebanyak 0.488 peratus. Oleh yang demikian, walaupun kebanyakan nilai skor kecekapan lebihan zakat yang diperoleh oleh TBS adalah tidak mencapai nilai 0.228 peratus ataupun nilai skor optimum iaitu 0.000 peratus, namun ia masih berada pada tahap sangat memuaskan apabila nilai skor tahunan tersebut semakin meningkat dan menghampiri nilai skor berprestasi baik dan optimum.

#### *4.2 Skor kecekapan keutamaan asnaf*

Bagi skor kecekapan keutamaan asnaf pula, hasil kajian adalah selari dengan dapatan kajian oleh Hairunnizam *et al.* (2009) yang mendapati skor di bawah nilai 0.46 adalah skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik berdasarkan kekerapan tertinggi nilai skor yang diperoleh manakala nilai skor di bawah nilai 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik (Eza Ellany *et al.* 2014).

Kajian mendapati hampir kesemua nilai skor kecekapan keutamaan asnaf bagi Tabung Baitulmal Sarawak adalah berada pada tahap baik apabila nilai skor yang diperoleh adalah 0.46 peratus. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui Jadual 5, di mana pada tahun 2002, nilai SKORKA yang dicapai adalah sebanyak 0.461 peratus. Walaupun nilai ini sedikit menurun pada tahun 2003 dan 2004 apabila nilai skor yang dicapai pada kedua-dua tahun ini masing-masing sebanyak 0.538 peratus, namun nilai SKORKA kembali ke tahap baik apabila pada tahun 2005 sehingga 2016, bacaan nilai skor yang diperoleh adalah sebanyak 0.461 secara konsisten. Nilai SKORKA terbaik yang dicatatkan adalah sebanyak 0.384 peratus yang dicapai pada tahun 2007. Ini menunjukkan bahawa Tabung Baitulmal Sarawak telah mengambil langkah yang signifikan dalam memastikan setiap agihan zakat adalah mengikut keutamaan asnaf itu sendiri berpandukan agihan keutamaan zakat mengikut Mazhab Imam Syafie. Secara purata nilai skor kecekapan keutamaan asnaf adalah sebanyak 0.435 peratus, menunjukkan bahawa hampir kesemua nilai skor tahunan yang dicapai berada dalam lingkungan nilai 0.46 peratus yang merupakan nilai ideal bagi skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik.

#### *4.3 Corak agihan zakat kepada golongan asnaf*

Berpandukan Jadual 6, kajian mendapati corak agihan zakat kepada setiap golongan asnaf yang layak menerima zakat adalah bersifat pragmatik dan mengalami perubahan yang sangat signifikan. Keadaan ini dapat diperhatikan bagi beberapa golongan asnaf yang layak menerima zakat. Hal ini juga terjadi disebabkan perubahan beberapa faktor seperti ekonomi, politik mahupun sosial, di samping dasar yang ditekankan oleh TBS dan Kerajaan Negeri Sarawak itu sendiri. Bagi asnaf Fakir, corak agihan zakat tahunan golongan asnaf ini adalah bersifat semakin menurun dari tahun ke tahun. Ini bermakna sifat agihan zakat bagi golongan asnaf Fakir adalah semakin berkurang dengan agihan tahunan diberikan kepada asnaf-asnaf lain. Melalui Jadual 6, pada tahun 2002 golongan asnaf ini adalah penerima terbesar agihan zakat dengan 41.80 peratus berbanding golongan-golongan asnaf yang lain. Namun nilai peratusan agihan ini semakin berkurang, seperti pada tahun 2003 dan 2004, masing-masing agihan adalah pada 34.89 dan 39.26 peratus. Keadaan sedikit berubah pada tahun 2005 dan 2007, apabila peratusan agihan meningkat kepada masing-masing 47.85 dan 52.66 peratus. Ini bermakna hampir separuh jumlah kutipan zakat diagihkan kepada asnaf Fakir berbanding asnaf-asnaf lain pada tahun tersebut. Bermula tahun 2007, peratusan agihan zakat bagi asnaf Fakir menurun dengan 30.75 peratus agihan pada tahun tersebut sehingga 21.61 peratus pada tahun 2011. Angka peratusan agihan zakat semakin menurut kepada 17.49 peratus pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa asnaf Fakir secara puratanya hanya diberikan agihan zakat sekitar 20 peratus berbanding asnaf-asnaf lain.

Bagi asnaf miskin pula, didapati pada tahun 2002 sehingga 2006, peratusan agihan zakat adalah sebanyak 0.00 peratus. Ini kerana pada tempoh ini, tiada agihan dilakukan kepada golongan asnaf Miskin,

sebaliknya agihan kepada asnaf ini disekalikan dengan agihan kepada asnaf Fakir. Pentakrifan asnaf Miskin tidak dipisahkan daripada asnaf Fakir mahupun dijelaskan seperti mana amalan yang lazim. Namun, pada tahun 2007, asnaf Fakir mula mendapat agihan zakat dengan peratusan agihan sebanyak 17.32 peratus berbanding asnaf-asnaf lain pada tahun tersebut. Pada tahun inilah asnaf Miskin dipisahkan daripada asnaf Fakir dan begitu juga dengan agihan antara kedua-duanya. Jika diperhatikan peratusan agihan zakat bagi asnaf Miskin ianya menunjukkan penurunan yang ketara. Pada tahun 2009 sehingga tahun 2011, agihan zakat adalah masing-masing pada 11.20, 11.40 dan 11.45 peratus. Kemudian pada tahun 2012 agihan zakat mencatat sebanyak 8.54 peratus menurun kepada 7.78 peratus pada tahun 2014 dan seterusnya pada tahun 2016, agihan zakat bagi asnaf Miskin adalah 6.53 peratus. Ini memberikan indikasi bahawa asnaf Miskin mendapat peratusan agihan yang menurun, sekaligus menjadikan asnaf Miskin tidak lagi berada pada kedudukan kedua dalam agihan zakat selepas asnaf Fakir. Bagi asnaf Amil pula, didapati peratusan agihan zakat yang diperoleh juga menunjukkan penurunan saban tahun. Sebanyak 41.03, 45.09 dan 46.88 peratus agihan dicatat pada tahun 2002, 2003, dan 2004. Ketiga-tiga tahun tersebut merupakan tahun di mana asnaf Amil mendapat jumlah peratusan agihan zakat yang tertinggi. Pada tahun 2005, angka peratusan berkangurang kepada 35.12 peratus, diikuti 30.43 peratus pada tahun 2006. Jumlah peratusan agihan zakat bagi asnaf Amil semakin menurun daripada 25.94 peratus pada tahun 2007 kepada 14.03 peratus pada tahun 2012. Sedikit peningkatan peratusan agihan berlaku pada 2013 apabila asnaf Amil mendapat 15.25 peratus daripada keseluruhan agihan zakat pada tahun tersebut, walaupun ia tidak signifikan. Sehingga tahun 2016, asnaf Amil hanya mencatatkan 13.28 peratus agihan zakat. Keadaan ini menjelaskan bahawa corak agihan zakat bagi asnaf Amil adalah semakin berkurang dari tahun ke tahun walaupun tidak merubah kedudukan asnaf Amil sebagai penerima asnaf ketiga yang layak mendapat agihan zakat mengikut mazhab Imam Syafie.

**Jadual 6: Peratus agihan zakat mengikut asnaf Tabung Baitulmal Sarawak (2002-2016)**

<b>Tahun</b>	<b>Peratus Agihan Mengikut Asnaf</b>									<b>Agihan Lain-Lain</b>
	<b>Fakir</b>	<b>Miskin</b>	<b>Amil</b>	<b>Mualaf</b>	<b>Al-Riqab</b>	<b>Ibn Sabil</b>	<b>Gharimin</b>	<b>Fi-sabilillah</b>		
2002	41.80	0.00	41.03	1.82	0.00	0.07	0.00	15.25	0.00	
2003	34.89	0.00	45.09	1.82	0.00	0.09	0.00	18.08	0.00	
2004	39.26	0.00	46.88	13.54	0.00	0.07	0.00	12.39	0.00	
2005	47.85	0.00	35.12	1.57	0.00	0.07	0.00	15.36	0.00	
2006	52.66	0.00	30.43	1.09	0.00	0.04	0.00	15.75	0.00	
2007	30.75	17.32	25.94	0.64	0.00	0.18	0.06	25.16	0.00	
2008	26.92	10.61	20.51	0.73	0.00	0.08	0.06	36.99	4.06	
2009	20.69	11.20	16.77	2.61	0.00	0.01	0.02	46.51	2.16	
2010	20.56	11.40	16.49	1.67	0.00	0.01	0.00	49.83	0.00	
2011	21.61	11.45	15.32	2.49	0.00	0.01	0.01	48.25	0.82	
2012	17.12	8.54	14.03	3.04	0.00	0.01	0.01	56.42	0.80	
2013	18.43	8.64	15.25	7.12	0.00	0.00	0.00	49.50	1.02	
2014	16.62	7.78	14.44	6.91	0.00	0.00	0.03	51.53	2.65	
2015	16.66	7.34	13.94	5.80	0.00	0.00	0.04	54.35	1.84	
2016	17.49	6.53	13.28	5.51	0.06	0.01	0.07	53.81	3.21	

Sumber: Diolah daripada Laporan Zakat PPZ-MAIWP dan JAWHAR bagi Tabung Baitulmal Sarawak tahun 2002-2016.


Berpandukan Jadual 6 juga, corak agihan zakat bagi asnaf Mualaf dapat diperhatikan. Bagi asnaf Mualaf, agihan yang diperoleh saban tahun tidak melepas angka 10 peratus, malah lebih kepada satu nilai angka peratusan. Pada tahun 2002 dan 2003, angka peratusan agihan zakat adalah 1.82 peratus. Hanya pada tahun 2004, sebanyak 13.54 peratus agihan daripada keseluruhan agihan zakat bagi kesemua asnaf pada tahun tersebut dicatatkan dan ia merupakan peratusan agihan zakat tertinggi bagi asnaf Mualaf. Pada tahun-tahun berikutnya sehingga tahun 2016, asnaf Mualaf hanya mendapat peratusan agihan sekitar 1.00 peratus hingga 7.00 peratus dan angka yang diperoleh saban tahun adalah tidak konsisten dengan berlaku peningkatan dan penurunan. Secara keseluruhannya, corak agihan zakat bagi asnaf Mualaf adalah tidak konsisten, dengan tiada penurunan dan peningkatan agihan yang signifikan. Bagi asnaf al-Riqab pula, tiada agihan yang diberikan kepada asnaf ini daripada tahun 2002 sehingga 2015 dengan agihan zakat adalah 0.00 peratus sepanjang 14 tahun tersebut. Hanya pada tahun 2016 asnaf ini mendapat 0.06 peratus agihan zakat daripada keseluruhan peratus agihan zakat bagi kesemua asnaf pada tahun tersebut. Ini mungkin disebabkan Tabung Baitulmal Sarawak telah mengambil tindakan pentakrifan dan pengelasan semula asnaf al-Riqab seperti yang dicadangkan oleh kebanyakan pengkaji sebelum ini mahupun seperti yang mula diamalkan oleh institusi zakat lain di Malaysia. Ini merupakan suatu langkah ke hadapan dan patut diberikan perhatian sewajarnya oleh semua institusi zakat dalam mengharmonikan takrifan setiap asnaf demi manfaat mereka sendiri.

Asnaf Ibnu Sabil juga tidak ketinggalan dalam memperoleh agihan zakat yang selayaknya, walaupun corak agihan asnaf ini tidak menunjukkan sebarang peningkatan mahupun penurunan yang ketara. Bagi kebanyakan tahun, peratusan agihan zakat yang dicatat adalah di bawah 0.10 peratus seperti yang berlaku pada tahun 2002 sehingga 2006, dan tahun 2008 sehingga 2016. Sebanyak 0.18 peratus agihan zakat dicatat pada tahun 2007 yang menjadi peratusan tertinggi asnaf ini. Hal yang sama turut berlaku kepada asnaf Gharimin, di mana corak agihan bagi asnaf ini juga tidak menunjukkan peningkatan mahupun penurunan yang signifikan. Pada tahun 2002 sehingga tahun 2006, tiada agihan diberikan kepada asnaf ini apabila sebanyak 0.00 peratus dicatatkan. Pada tahun 2007, sebanyak 0.06 peratus agihan zakat diperoleh oleh asnaf Gharimin dan demikian juga pada tahun 2008. Pada tahun 2009 sehingga 2016, asnaf Gharimin hanya memperoleh agihan zakat dalam lingkungan sebanyak 0.02 sehingga 0.07 peratus.

Berpandukan Jadual 6, kajian mendapati bagi asnaf Fi-sabilillah, corak agihan zakat adalah bersifat semakin meningkat saban tahun dan peningkatan ini adalah sangat signifikan. Bermula pada tahun 2002, nilai agihan zakat bagi asnaf ini adalah 15.25 peratus, kemudian meningkat kepada 18.08 peratus bagi tahun 2003. Pada tahun 2004, nilai agihan zakat menurun kepada 12.39 peratus. Sebanyak 15.36 peratus jumlah dana zakat telah diagihkan kepada asnaf Fi-sabilillah daripada keseluruhan asnaf, dan peratusan ini terus mencatatkan peningkatan sehingga 36.99 peratus pada tahun 2008. Pada tahun 2009 sehingga 2016, nilai peratusan agihan zakat yang diperoleh adalah secara puratanya sebanyak 50.00 peratus, yang menunjukkan bahawa sepanjang tempoh ini hampir separuh daripada kutipan zakat diagihkan kepada asnaf Fi-sabilillah dengan nilai peratus agihan tertinggi diperoleh pada tahun 2012 iaitu sebanyak 56.42 peratus. Ini jelas menunjukkan bahawa Tabung Baitulmal Sarawak telah membelanjakan dana zakat terkumpul dengan mengambil pendekatan membangunkan modal insan jangka panjang seperti memberikan bantuan kewangan ataupun pembiayaan pendidikan kepada pelajar yang ingin dan sedang melanjutkan pengajian di peringkat universiti yang termasuk sebagai antara penerima di bawah kategori asnaf Fi-sabilillah. Suatu hal yang unik dilakukan oleh Tabung Baitulmal Sarawak adalah pewujudan kategori agihan lain-lain yang turut mendapat agihan zakat setiap tahun. Pewujudan kategori agihan lain-lain ini mungkin disebabkan oleh agihan zakat yang tidak dapat ditentukan untuk digolongkan di bawah kelompok lapan asnaf yang layak menerima zakat ataupun sifat agihan itu sendiri yang tidak memungkinkan ia tidak diagihkan di bawah lapan asnaf yang lain. Melalui Jadual 6, dapat diperhatikan tiada agihan di bawah kategori ini sepanjang tahun 2002 sehingga tahun 2007. Bagaimanapun bermula tahun 2008, sebanyak 4.06 peratus agihan zakat dicatatkan di bawah kategori agihan lain-lain. Corak agihan bagi kategori ini tidak konsisten di mana tiada peningkatan mahupun penurunan ketara

direkodkan. Purata agihan zakat di bawah kategori ini adalah dalam lingkungan 1.50 peratus, dengan nilai peratusan zakat dicatat pada tahun 2016 adalah sebanyak 3.21 peratus.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa sepanjang 15 tahun tempoh agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh Tabung Baitulmal Sarawak, terdapat perubahan corak agihan zakat yang sangat signifikan yang dapat diperhatikan melalui Rajah 1. Perubahan corak agihan ini berkait rapat dengan pelbagai faktor, terutama dasar, visi dan misi pentadbiran kerajaan negeri Sarawak sendiri dalam memacu pembangunan sosio-ekonomi dan modal insan yang terdiri daripada anak jati Sarawak untuk terus cemerlang dalam pendidikan. Hasil penyelarasan dasar pentadbiran kerajaan negeri dengan objektif yang ingin dicapai oleh Tabung Baitulmal Sarawak, selain peluang yang lebih luas dalam pelaburan pembangunan modal insan yang bersifat keuntungan jangka panjang telah menyaksikan asnaf Fi-sabilillah memperoleh agihan zakat yang terbesar pada tahun-tahun kebelakangan ini dengan separuh daripada dana zakat terkumpul telah diagihkan kepada asnaf ini yang kebanyakannya daripada penerimanya adalah pelajar berbeza dengan sebelumnya pada awal tahun 2000 apabila asnaf Fakir menerima agihan terbesar seperti lazimnya.



Rajah 1: Corak peratusan agihan zakat mengikut asnaf Tabung Baitulmal Sarawak (2002-2016). Diolah berpandukan Jadual 6.

## 5. Implikasi dasar dan perbincangan

Pengurusan agihan zakat yang cekap adalah suatu yang mesti dititikberatkan oleh sesebuah institusi zakat. Agihan secara langsung ataupun bersasar kepada kesemua golongan asnaf yang layak menerima zakat seharusnya mampu untuk mengangani isu kemiskinan, kesengsaraan hidup mahupun cabaran pembangunan sosio-ekonomi dan modal insan negara. Kajian berpendapat sekiranya kesemua kutipan zakat yang diperoleh setiap suatu tahun kewangan diagihkan sepenuhnya kepada golongan asnaf penerima zakat pada tahun tersebut. Ini kerana sekiranya agihan zakat dapat diberikan pada suatu tahun kewangan dengan lebih cepat dan efisien, isu dan cabaran seperti yang telah disebutkan sebelum ini tidak seharusnya terus berlaku mahupun berlarutan seolah-olah sistem agihan zakat tidak mendatangkan kesan

yang efektif kepada golongan asnaf penerima zakat di samping tidak memberikan nilai tambah yang signifikan kepada pembangunan ekonomi. Agihan yang efisien dan cekap dengan tempoh masa agihan yang dipendekkan membolehkan setiap asnaf yang layak menerima zakat menggunakan sepenuhnya bantuan zakat yang hadir dalam pelbagai bentuk seperti kewangan, bantuan kesihatan, bantuan perniagaan dan sebagainya. Salah satu kaedah untuk memendekkan tempoh agihan ini adalah dengan cara mengurangkan kerentahan birokrasi pada pelaksanaan agihan oleh institusi zakat. Ini seterusnya dapat mengurangkan stigma kepada sesebuah institusi ataupun jabatan kerajaan termasuk institusi zakat negeri. Stigma kerentahan birokrasi yang sentiasa memakan tempoh masa yang panjang, keperluan penyediaan dokumen yang pelbagai menjadi punca penyebab wujudnya persepsi dan tanggapan bahawa institusi zakat kurang cekap dan efisien. Oleh itu adalah amat penting bagi sesebuah institusi zakat melihat dan menilai semula pelaksanaan dan prosedur mereka dalam mengagihkan dana zakat yang dikutip agar ia mampu dirasai oleh golongan asnaf dalam kadar tempoh seberapa yang mungkin.

Selain itu, kajian juga berpendapat Tabung Baitulmal Sarawak harus memperkemas semula aspek agihan zakat dengan sebaiknya bagi memastikan tiada dana zakat yang diagihkan selain hanya kepada lapan golongan asnaf yang selayaknya menerima zakat. Kewujudan “agihan lain-lain” yang dilakukan oleh TBS dalam 10 tahun kebelakangan ini sebaiknya disusun semula dengan rapi agar ianya dapat diharmonikan untuk diletakkan di bawah asnaf tertentu daripada lapan golongan asnaf. Hal ini memerlukan semakan takrifan semula asnaf dan pengelasan jenis bantuan atau agihan yang diberikan kepada suatu golongan asnaf itu. Sudah tentu dengan kecekapan yang teliti dan digabungkan bersama keefisienan pelaksanaan agihan zakat, ia dapat mengembalikan keyakinan masyarakat awam terutama pembayar zakat kepada institusi zakat terutama TBS sebagai pengendali dana zakat yang dikutip daripada mereka. Di samping itu, dengan memastikan tiada lagi “agihan lain-lain” pada agihan zakat, Tabung Baitulmal Sarawak akan menutup ruang kritikan dan persoalan oleh masyarakat awam yang mempersoalkan keperluan wujudnya agihan selain kepada lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat.

Penekanan agihan zakat kepada asnaf Mualaf juga harus diberikan perhatian sewajarnya oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Ini disebabkan ia berkait rapat dengan jumlah pengislaman masyarakat bukan Islam di Sarawak. Sekiranya jumlah mahupun peratusan agihan yang diperoleh oleh asnaf Mualaf tidak menunjukkan peningkatan ataupun konsisten tanpa ada penurunan mahupun peningkatan, ini boleh mengarah kepada dua kemungkinan, iaitu pertama sama ada jumlah individu yang baru memeluk Islam di sana adalah sedikit ataupun yang kedua agihan zakat kepada asnaf Mualaf adalah sedikit disebabkan kekangan-kekangan yang menyukarkan individu untuk melakukan permohonan bantuan zakat kepada institusi zakat terutama TBS. Sekiranya punca kurangnya peningkatan dalam agihan zakat bagi golongan asnaf Mualaf disebabkan oleh kemungkinan kedua, maka TBS sewajarnya mengambil pendekatan seperti mengumpul data pengislaman melalui kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak dan menetapkan tempoh had istilah Mualaf itu sendiri. Penyelaras dan penyeragaman tempoh had istilah Mualaf kepada individu yang baru memeluk Islam antara TBS dengan institusi zakat negeri-negeri lain di Malaysia dapat memastikan hak asnaf Mualaf dapat dibela melalui agihan zakat yang berterusan tanpa perlu memperbaharui permohonan mereka setiap tahun. Tempoh had istilah Mualaf yang boleh dicadangkan adalah 3 tahun ataupun 5 tahun. Hasil penyeragaman tempoh had istilah Mualaf tersebut dapat membantu asnaf Mualaf agar tidak terpinggir dan tercicir daripada menerima agihan zakat seterusnya mengelakkan tanggapan negatif masyarakat berkaitan dengan bantuan zakat kepada asnaf Mualaf.

Agihan zakat kepada asnaf Fi-sabilillah yang dilihat menerima peratusan agihan yang terbesar semenjak tahun 2008 sehingga 2016 adalah suatu usaha yang baik yang telah dilakukan oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Ini kerana pendekatan yang digunakan adalah pelaburan jangka panjang dalam modal insan khususnya bagi anak-anak Sarawak sendiri. Dana zakat yang dikumpul berjaya diagihkan terutamanya bagi bidang pendidikan. Terdapat beberapa jenis bantuan pendidikan yang termasuk di bawah pembangunan modal insan ini seperti bantuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi, bantuan pengajian

sekolah rendah/menengah, bantuan pengajian di peringkat sijil/kursus, bantuan pengajian ke Timur Tengah, bantuan pengajian sekolah agama/Arab dan pengajian bidang agama di institusi pengajian tinggi (IPT). Selain itu, Biasiswa Ibnu Khaldun yang diperkenalkan pada 2004 yang diperuntukkan untuk pelbagai bidang pengajian serta kesemua jenis bantuan yang bersifat jangka panjang ini amat bersesuaian dengan pendekatan TBS dan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak yang ingin membangunkan modal insan yang cemerlang dan mampu berbakti kepada negeri sendiri. Oleh itu, kajian menyarankan agar bantuan pendidikan ini dapat dipromosikan disebarluaskan dengan lebih inklusif dan agresif meliputi pengajian bidang-bidang yang kritikal dan teknikal seperti sains, matematik dan vokasional (bidang STEM dan TVET). Ini bagi menggalakkan lebih ramai anak muda Islam di Sarawak mendapat informasi mengenai kesemua bantuan pendidikan ini di samping berani menceburkan diri dalam bidang-bidang tersebut selaras dengan kepesatan Sarawak dalam pelbagai industri pada masa kini mahupun sebagai persediaan untuk masa hadapan yang akhirnya akan membawa keuntungan kepada Sarawak.

Pengharmonian semula takrifan setiap asnaf harus diberikan perhatian sewajarnya. Sebagai contoh, asnaf al-Riqab membawa pengertian hamba-hamba yang ingin memerdekakan diri mereka, maka boleh diharmonikan dengan keadaan semasa yang menjurus kepada pemerdagangan manusia (*human trafficking*), yang ditipu malah dieksloitasi oleh golongan berkepentingan dan rakus. Maka dalam hal ini, jika pengenal pastian kepada mangsa-mangsa aktiviti pemerdagangan manusia dapat dikesan dan dilakukan, dana zakat yang terkumpul boleh diagihkan kepada mereka untuk membebaskan mereka daripada terus dibelenggu oleh aktiviti gelap ini. Selain itu, takrifan asnaf-asnaf yang lain juga wajar diberi perhatian agar ia dapat disesuaikan dengan keadaan semasa yang menuntut definisi yang bersifat inklusif dan bukannya eksklusif melibatkan pelbagai golongan masyarakat.

Penyebaran maklumat dan informasi yang tepat adalah salah satu perkara yang penting dan menjadi suatu kemestian pada zaman ini. Ianya jua berkait rapat dengan kemudahan akses kepada maklumat yang tepat dan cepat. Ini dicapai melalui pelbagai medium media massa, elektronik, media sosial dan pelbagai platform aplikasi. Dengan keutamaan diberikan oleh TBS terutama bagi menyampaikan maklumat berkaitan zakat yang diinginkan secara terus kepada masyarakat di Sarawak, hal ini dapat menangani kesukaran pelbagai lapisan masyarakat terutama yang tinggal di pedalaman dalam mendapatkan maklumat berkaitan perihal zakat daripada TBS seperti kaedah permohonan bantuan-bantuan zakat pendidikan, bantuan asnaf Mualaf, bantuan kesihatan dan sebagainya. Malah TBS boleh mengeksploitasi dan memaksimumkan akses capaian kepada maklumat berkaitan zakat seperti pembayaran zakat, kaedah pengiraan dan kepentingan zakat dalam membangunkan ummah dan menyumbang sebagai pemacu ekonomi negara melalui pendekatan teknologi kewangan Islam ataupun “*Islamic fintech*” yang semakin berkembang pada masa kini. Dengan pendekatan Kerajaan Sarawak yang ingin menjadikan Sarawak sebagai “Negeri Ekonomi Digital” dengan penggunaan aplikasi seperti *Sarawak Pay*, kajian menyarankan agar TBS melalui Majlis Islam Sarawak juga mengambil peluang keemasan ini dalam membangun aplikasi informasi zakat ataupun bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak agar informasi zakat dapat disertakan dalam aplikasi digital yang dibangunkan oleh kerajaan negeri itu. Kesemua maklumat dan data berkaitan dengan institusi zakat, kaedah dan pembayaran zakat, selain perkara yang berkaitan dengannya juga dapat disertakan dalam aplikasi tersebut, yang dapat memudahkan akses orang awam dan menggalakkan masyarakat agar menjadikan berzakat sebagai gaya hidup selaras dengan kemudahan yang disediakan oleh aplikasi tersebut. Semestinya kos, kemampuan tenaga mahir dan isu keselamatan menjadi hal-hal yang dipertimbangkan dalam menjayakan idea ini, namun kebaikannya adalah amat luas lebih-lebih lagi apabila maklumat dan mekanisme pembayaran zakat dapat dicapai dan diakses dengan secara langsung oleh masyarakat terutama pembayar zakat.

Jurang sosio-ekonomi yang berlaku antara golongan kaya dan miskin adalah antara perkara yang sering menjadi bualan masyarakat. Bagi memastikan agar golongan asnaf terutama fakir dan miskin dapat keluar daripada kepompong kemiskinan ini, kajian berpendapat agar skim bantuan modal perniagaan

diperkenalkan dan diperkasakan agar ia dapat membantu kedua-dua golongan asnaf ini. Skim ini boleh diperkenalkan sebagai bantuan modal permulaan perniagaan secara kecil-kecilan dan bantuan kewangan bulanan sebagai menyokong perniagaan asnaf fakir dan miskin yang baru diwujudkan dan dikembangkan. Pengawasan secara berkala oleh TBS juga diperlukan agar dana zakat yang diagihkan bagi skim ini dapat digunakan sebaiknya agar tujuan penghapusan jurang sosio-ekonomi dicapai. Ini secara langsung dapat melatih asnaf-asnaf tersebut tentang peluang perniagaan agar mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan seterusnya melatih mereka untuk hidup berdikari bagi meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Penyediaan suatu wadah atau platform untuk asnaf fakir dan miskin memulakan perniagaan sebagai sumber rezeki mereka dalam menampung perbelanjaan sara hidup adalah penting supaya golongan asnaf ini tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan zakat semata-mata malah dapat mempelbagaikan punca pendapatan mereka pada masa hadapan.

Kecekapan prestasi pengurusan agihan zakat bentuk kewangan yang melibatkan nilai skor lebihan zakat dan agihan zakat bukan kewangan terutama nilai skor keutamaan asnaf oleh Tabung Baitulmal Sarawak telah dibuktikan dalam kajian ini. Walaupun terdapat beberapa nilai skor lebihan zakat dan keutamaan asnaf pada beberapa tahun tertentu yang tidak konsisten dengan nilai ideal kedua-dua skor kecekapan, namun ianya semakin baik dan setiap penambahbaikan dan usaha oleh TBS untuk memastikan kesemua nilai skor pada tahap terbaik harus dipuji dan diberikan penghargaan. Tanggungjawab TBS untuk memastikan pengurusan agihan zakat yang efisien dan telus juga adalah demi kepentingan umat Islam di Sarawak lebih-lebih lagi bagi golongan pembayar zakat dan golongan asnaf penerima zakat agar kebijakan kedua-duanya terjaga. Begitu juga corak agihan zakat oleh TBS yang diperlihatkan mengalami perubahan yang signifikan adalah bersesuaian dengan keadaan dan zaman semasa yang lebih kompetitif, lebih sengit persaingannya dalam pelbagai bidang dan lapangan. Keadaan ini mendorong kepada perlunya idea dan buah fikiran yang baru terutama untuk memastikan agihan zakat itu dapat disampaikan kepada golongan asnaf dengan cekap, amanah dan telus di samping dapat diselaraskan dengan objektif atau hasrat sesbuah institusi zakat mahupun objektif pembangunan dan dasar kerajaan. Justeru, amalan kecekapan pengurusan agihan zakat yang baik yang telah ditunjukkan oleh TBS wajar diteruskan dan ditambah nilai agar reputasi dan keyakinan masyarakat terutama pembayar zakat dan golongan asnaf dapat lebih dipertingkatkan serta menjadi sebuah institusi zakat yang disegani di Sarawak khususnya dan di Malaysia secara umumnya.

## 6. Kesimpulan

Kecekapan institusi zakat dalam menguruskan agihan dana zakat adalah sangat penting berkait rapat dengan aspek keyakinan pembayar zakat terhadap institusi zakat, sama seperti pentingnya agihan zakat disalurkan kepada kesemua golongan asnaf yang layak menerimanya. Kedua-duanya bergerak seiring dalam membolehkan institusi zakat dipandang tinggi malah diyakini akan kebolehan, kecekapan dan ketelusan operasi mereka dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, kajian mencadangkan agar institusi zakat khususnya TBS agar memaksimumkan daya, tenaga dan kepakaran mereka dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan dana zakat sebaik dan secekap mungkin. Kajian turut menyarankan agar isu-isu berkaitan zakat di Sarawak khususnya agar lebih dikaji dan diteroka oleh pengkaji akan datang bagi membantu penyampaian maklumat kepada masyarakat awam dan memperkembang idea-idea baru yang lebih mendatangkan manfaat kepada institusi zakat, pembayar zakat dan penerima zakat seluruhnya.

## Rujukan

- Abdul Hayy Haziq & Hairunnizam Wahid. (2017). Persepsi masyarakat Islam terhadap agihan zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan peranan medium promosi: Kajian di Bintulu, Sarawak' *Pengurusan Zakat di Malaysia: Suatu Pendekatan Analisis Gelagat. Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam UKM*, 287-304.
- Ahmad Hidayat Buang & Saidatul Badrul Mohd Said. (2014). Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di daerah Kota Belud, Sabah' *Sains Humanika*, 2(1), 125-134.
- Andres Alonso, de. P, Martin Cruz, N & Romero Merino, M.E. (2006). The governance of non-profit organizations in Spain' *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 35(4), 588-604.
- Dayangku Aslinah Abd. Rahim. (2013). Zakat potential in Sabah: Issues and challenges. (*5<sup>th</sup> Islamic Economics System Conference (iECONS)*). Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur).
- Eza Ellany Abdul Lateff, Mohd Rizal Palil & Mohamat Sabri Hassan. (2014). Prestasi kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan dalam kalangan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(2), 51-60.
- Faiz Mat Isa, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2013). Pengukuran prestasi menggunakan nisbah aliran tunai dan nisbah tradisi: perbandingan di antara Majlis Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak' (*Prosiding International Conference Muamalat, Economic & Islamic Finance 2013*), 310-325.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Azila Abdul Razak & Salwa Amira Awang. (2015). Ketirisan bayaran zakat terhadap institusi formal di Malaysia. *Sains Humanika*, 5(1), 27-32.
- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2014). Faktor mempengaruhi tahap keyakinan agihan zakat: Kajian terhadap masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 41-50.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Maryam Abd Rashid. (2015). Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan pengurusan agihan zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri. Dalam *Isu Kontemporari agihan zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali et.al. (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)), 21-35.
- Ismail Ahmad & Masturah Main. (2014). The efficiency of zakat collection and distribution: Evidence from two stage analysis. *Journal of Economics and Development*, 35(3), 133-170.
- Md Hairi Md Hussain, Kamil Md. Idris & Ram Al Jaffri Saad. (2012). Ketelusan di dalam tadbir urus institusi zakat (*Prosiding Seminar Isu-isu kontemporari Zakat di Malaysia*), 63-74.
- Mohamad Uda Kasim. (2013). Zakat: Teori, Kutipan dan Agihan (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd).
- Mohd Fisul Ismail, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. (2017). Pengurusan zakat di Malaysia: Suatu pendekatan analisis gelagat. *Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam UKM*, 67-82.
- Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid. (2017). Kodifikasi akta zakat nasional: Persepsi dan implikasi. (*Prosiding Persidangan Ekonomi Malaysia 2017*) Bangi: Penerbit UKM. ISSN 2231-962X
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad & Mohamad Ali Roshidi Ahmad. (2013). Kepatuhan membayar zakat: Analisis kutipan dan ketirisan zakat fitrah di Selangor. *Jurnal Syariah*, 21(2), 191-206.
- Nur Aliah Mohd Sukeri, Zulaikha Mohd Hanafiah & Hairunnizam Wahid. (2017). Persepsi asnaf zakat al-gharimin (Perubatan) terhadap kaedah agihan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor' Pengurusan Zakat di Malaysia: Suatu Pendekatan Analisis Gelagat. *Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam UKM*, 227-244.
- Ram Al Jaffri Saad, Norazita Marina Abdul Aziz & Norfaiezah Sawandi. (2014). Islamic accountability framework in the zakat funds management. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 164, 508-515.
- Rashidah Unos, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2015). Zakat: analisis perubahan corak agihan di

- Negeri Sembilan. Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia, ed. Nor Aini Ali et al. (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)), 179-195.
- Roshaiza Taha, Fadzli Adam, Nurul Nurhidayatie Muhammad Ali & Akmalia M Ariff. (2017). Religiosity and transparency in the management of zakat institutions. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 20(1), 1-9.
- Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman & Noraini Shamsuddin. (2016). Impak agihan zakat terhadap kualiti asnaf di Selangor. (*Proceeding 2<sup>nd</sup> International Conference on Economics & Banking*), 226-237.
- Portal Rasmi Tabung Baitulmal Sarawak, <http://www.tbs.org.my/www/> (diakses pada 1 Jun 2018).
- Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, <http://www.dosm.gov.my/v1/index.php> (diakses pada 1 Julai 2018).
- Laman Web Rasmi Pejabat Ketua Menteri Sarawak, <http://www.cm.sarawak.gov.my/> (diakses pada 12 Jun 2018).